


Carta Alir Permohonan Baru *Credentialing Haemodialysis*



Proses Kerja Permohonan Baru *Credentialing Haemodialysis*

Huraian Proses

1. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan baru ***Application For Credentialing Cred 1 - (2018)*** dan perlu mendapatkan sokongan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan (Pakar Perunding Nefrologi) bagi hospital berpakar @ Pakar Perunding Lawatan Klinikal Nefrologi bagi hospital tanpa pakar.
2. Lampirkan salinan-salinan sijil seperti Diploma/ Ijazah Pembantu Perubatan/ Jururawat, sijil Perakuan Pembaharuan Tahunan Pembantu Perubatan/ Jururawat (APC), sijil Pos Basik Perawatan Renal dan Ringkasan Buku Log/ *summary log book* yang disahkan oleh Ketua Jabatan (Pakar Perunding Nefrologi) @ Pakar Perunding Lawatan Klinikal Nefrologi.
3. Kepilkan gambar ukuran passport dengan beruniform lengkap.
4. Penyelia perlu menyemak semula borang permohonan dengan teliti. Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja dihantar ke Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (CPPPP) dan Bahagian Kejururawatan.
5. Borang permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses** dan **dikembalikan** semula kepada **pemohon**.